

# Benteng penahanan ombak **mendap**

Kerajaan dicadang naik taraf benteng yang rosak, pecah sebagai persediaan hadapi air pasang besar

**SABAKBERNAM**- Kerajaan dicadang melaksanakan kerja-kerja meninggikan semula benteng penahan ombak yang rosak dan pecah berikutan fenomena air pasang yang melanda beberapa kawasan di negeri ini.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir Hamim Samuri berkata, sebanyak RM300 juta anggaran kasar peruntukan diperlukan bagi kerja-kerja meninggikan benteng yang melibatkan kerosakan di sepanjang 70 kilometer persisiran pantai dari Sabak Bernam ke Kuala Langat.

"Kita nak lihat sejauh mana ia serius supaya kita boleh cadangkan kepada kerajaan tentang perlunya kerja-kerja naik taraf semula (ketinggian) benteng ini untuk berdepan dengan kemungkinan air pa-

sang besar pada masa akan datang.

"Benteng ini telah dibina dengan ketinggian 3.5 meter, namun disebabkan pemendapan semula jadi, ketinggian benteng telah menurun antara 3 hingga 2.8 meter," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan dan tinjauan di benteng pecah di Sungai Apong.

Sehubungan itu, katanya, beliau menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor membuat kajian menyeluruh tentang fenomena paras air pasang besar tertinggi yang berlaku pada masa depan berdasarkan kenaikan paras air semasa dan perubahan cuaca berlaku di seluruh dunia.

"Kalau dulu, ketinggian 3.5 meter benteng ini sudah cukup, tapi berdasarkan fenomena pemanasan global meng-



**Hamim (kiri) dan Ahli Parlimen Sabak Bernam, Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh (dua, kiri) dan beberapa pegawai JPS serta agensi berkaitan meninjau kerosakan benteng penahan ombak di persisiran pantai Sungai Apong.**

akibatkan kenaikan paras air yang lebih tinggi.

"Maka sebab itulah, ke-

tinggian benteng ini kita tak dapat nak tentukan pada masa sekarang," katanya.

Menurutnya, persembungan ombak luar biasa di laut dan hujan dalam ke-

jadiannya fenomena air pasang besar mengakibatkan beberapa kawasan rendah di negeri ini ditenggelami air hingga penduduk di beberapa kawasan diarah berpindah ke pusat pemindahan banjir.

Bagaimanapun Hamim memberitahu, kejadian itu dianggap tidak terlalu serius memandangkan semua di 309 pintu air berfungsi dengan baik.

"Kita kena terima hakikat bahawa benteng yang dibina 10 tahun ini masih kukuh. Kalau tak kukuh, dah lama habis (benteng mengalami kerosakan teruk).

"Kita dapati di Sabak Bernam misalnya, masih ada lima kilometer yang rosak melibatkan dua tempat sahaja iaitu di benteng Sungai Apong dan (benteng Tebuk Mendeling) Sungai Air Tawar," katanya.